



09 FEB, 2026

## MPHS bongkar aktiviti lombong bitcoin haram di Bukit Beruntung

Berita Harian, Malaysia



# MPHS bongkar aktiviti lombong bitcoin haram di Bukit Beruntung

Operasi bersepadu susulan aduan awam berhubung gangguan elektrik

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) membongkar aktiviti perlombongan

bitcoin haram di kawasan perniagaan sekitar Bukit Beruntung, Hulu Selangor menerusi operasi penguatkuasaan bersepadu, kelmarin.

MPHS dalam kenyataan ber-

kata, operasi dijalankan susulan aduan awam berhubung gangguan bekalan elektrik yang berlaku di kawasan terdekat dipercayai berpunca daripada penggunaan tenaga elektrik secara berlebihan dan tidak terkawal di premis tertentu.

### Kegiatan tanpa kelulusan

Menurut kenyataan itu, MPHS diketuai Yang Dipertuanya, Ju-

liahah Jamaludin bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi membanteras aktiviti berkenaan.

"Hasil operasi mendapati lima premis di kawasan perniagaan menjalankan aktiviti perlombongan tanpa kebenaran atau lesen yang sah.

"Aktiviti ini tidak dibenarkan jika dijalankan tanpa kelulusan pihak berkuasa dan membabitkan penggunaan bekalan elektrik secara tidak terkawal.

"Ia bukan sahaja menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada penduduk sekitar malah turut mendatangkan risiko kerosakan infrastruktur elektrik, peningkatan bahaya litar pintas serta kebakaran dan menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan komuniti setempat," katanya.

MPHS memaklumkan, tindakan sitaan peralatan kemudian dibuat ke atas premis yang terlibat sebagai langkah penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang dan tatacara yang berkuat kuasa.

"Kami ingin menegaskan sebarang aktiviti penggunaan elektrik dalam skala besar perlu mematuhi semua peraturan lesen, pendaftaran perniagaan serta syarat teknikal bekalan elektrik yang ditetapkan.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang menjalankan aktiviti menyalahi undang-undang," katanya.



Penguat kuasa MPHS bersama TNB melakukan operasi bersepadu aktiviti perlombongan bitcoin haram di Bukit Beruntung, semalam.  
(Foto ihsan MPHS)